

05 DEC 1998

PEMUDA UMNO TERENGGANU BANTAH KENYATAAN SOROS

KUALA TERENGGANU, 5 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu hari ini menentang campur tangan spekulator matawang Geroge Soros dalam hal ehwal dalaman negara ini.

Soros ketika berucap di Universiti John Hopkins semalam, berkata rakyat Malaysia harus menyingkirkan Dr Mahathir kerana dasarnya yang bertujuan untuk mengekalkan kedudukan dan memberi manfaat kepada sekutu-sekutu politiknya.

Penolong Setiausaha pergerakan itu Din Adam dalam satu kenyataan yang difakskan ke sini menyatakan amatlah malang bagi Soros, yang kononnya memperjuangkan konsep 'masyarakat terbuka' dan penghayatan demokrasi mencapuri urusan dalaman negara ini.

"Soros walaupun kaya raya, tetapi amat miskin budi bahasanya. Dia membina kekayaannya di atas penderitaan orang lain," demikian menurut kenyataan itu.

Din Adam berkata kita tidak memerlukan wangnya, kita tidak memerlukan pelaburannya, jika pelaburannya adalah syarat untuk campur tangan dalam urusan negara ini.

Katanya yang penting kita tidak memerlukan nasihatnya, yang berasaskan kepada perasaan tamak, kepentingan diri dan iri hati dengan kejayaan Malaysia menangani kegawatan ekonomi.

Pemuda Umno Negeri mengulangi pendirian dan sokongan penuh kepada pucuk pimpinan negara dan negeri, bagi menghadapi apa sahaja keadaan demi kepentingan agama, bangsa dan negara tercinta, katanya.

-- BERNAMA

SBS RI